بدان كبجيكن دان سوكن جباتن اوكور بروني

**BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI**

JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM




| BIL NO | ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1 | KENAIKAN PANGKAT DALAM JAWATAN UKUR | 2 |
| 2 | UKUR 'B' MENJUARAI BOLA JARING PERSAHABATAN 2016 | 3 |
| 3 | PERLAWANAN BULU TANGKIS JABATAN UKUR DINOBATKAN JUARA 2016 | 4 |
| 4 | AHLI TERTINGGI BAUKUR 2016 –2018 | 5 |
| 5 | RENCANA KESIHATAN | 6 |

بدان كبجيكن دان سوكن جابتن اوكور بروني

**BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI**

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

# EDISI KE - 4 BAUKUR 2016







Photo : Kenaikan Pangkat 2016

## KENAIKAN PANGKAT DALAM JAWATAN UKUR

**Ukur:** Pada 04 Okt & 07 Nov 2016, Majlis penyerahan surat bagi kenaikan pangkat yang disampaikan oleh Pmk Juruukur Agung diadakan di Bilik Mesyuarat Hidayat, Jabatan Ukur.

Turut hadir Pmk Timbalan Jurukur Agung dan pegawai-pegawai kanan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya menyampaikan surat lantikan kenaikan pangkat kepada pegawai dan kakitangan.

Seramai 8 kakitangan Jabatan telah dinaikan pangkat dalam jawatan di Jabatan Ukur terdiri dari seorang pegawai, Hj Mohd Hasbi bin Hj Jamudin dinaikkan pangkat sebagi Jurukur Kanan. Manakala jawatan Juruukur pegawai yang dilantik adalah Willyza Bibiana binti Ibrahim, Abdul Khaliq bin Bujang dan Hj Khairul Abidin bin Hj Sulaiman.

Seterusnya seramai 4 orang kakitangan Jabatan Ukur telah dinaikan jawatan Juruteknik Rendah ke Juruteknik Ukur iaitu Hj Sulaiman bin Hj Ali , Pg Hj Yahya bin Pg Hj Metassan, Awg Mazlan bin Ringsak dan Dk Nur Maseleia Zanariah binti Pg Ibrahim.

Jabatan Ukur amnya melahirkan harapan agar pegawai dan kakitangan yang dinaikan pangkat akan terus bersemangat menunjukkan prestasi yang cemerlang semasa bertugas dan berkhidmat atas nama Jabatan Ukur.

Diucapakan tahniah kepada yang dicalonkan kenaikan pangkat.







Photo :: Kenaikan Pangkat 2016

# EDISI KE - 4 BAUKUR 2016





**Photo :: Perlawanan Persahabatan Bola Jaring 2016 (Pasukan Ukur 'A' & B')**





| | DDS | UKUR A | DG | JASTRE | UKUR B | DOD | TOTAL PTS | SHOOTING PTS | RANKING |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| DDS | | 4-16 0 | 10-15 0 | 7-3 3 | 3-15 0 | 7-1 3 | 6 | 31-50 | 4 |
| UKUR A | 16-4 3 | | 17-9 3 | 20-3 3 | 9-10 0 | 33-2 3 | 12 | | 2 |
| DG | 15-10 3 | 9-17 0 | | 17-6 3 | 12-17 0 | 30-2 3 | 9 | | 3 |
| JASTRE | 3-7 0 | 3-20 3 | 6-17 0 | | 3-18 0 | 11-1 3 | 6 | 26-43 | 5 |
| UKUR B | 15-3 3 | 10-9 3 | 17-12 3 | 18-3 3 | | 34-2 3 | 15 | | 1 |
| DOD | 1-7 0 | 2-33 0 | 2-30 0 | 1-11 0 | 2-34 0 | | 0 | | 6 |





**Photo :: Perlawanan Persahabatan Bola Jaring 2016**

## UKUR 'B' MENJUARAI BOLA JARING PERSAHABATAN 2016

**JKR:** Dalam usaha menjalinkan hubungan yang erat diantara warga Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Dibawahnya. Perlawanan persahabatan bola jaring anjuran pejabat DG, JKR telah diadakan pada hari Ahad, 09 Okt 2016. Perlawanan tersebut diadakan di Dewan Hangar, JKR.

Perlawanan hanya disertai sebanyak 6 pasukan terdiri dari pada Jabatan Ukur (Ukur A & Ukur B), Jabatan Saliran dan Pembentungan (DDS), Jabatan Jastre, Pejabat DG (Gabungan Air dan Pentadbiran) dan Jabatan Kemajuan (DOD).

Format perlawanan adalah secara liga. Tiada bayaran dikenakan. Setiap pasukan hanya perlu menyediakan hadiah pertukaran dan pengadil bagi perlawanan tersebut.

Perlawanan akhir yang dinantikan adalah diantara UKUR 'A' dan UKUR 'B' bagi menentukan tempat kedudukan pertama. Perlawanan berkesudahan dengan pasukan UKUR 'B' menang tipis dengan hanya perbezaan 1 mata sahaja.

Sekalung tahniah diucapkan kepada pasukan UKUR 'B' telah memenangi gelaran juara pada perlawanan persahabatan tersebut manakala naib johan disandang oleh pasukan UKUR 'A' dan tempat ketiga kepada pasukan DG.

Wajah keceriangan setiap pasukan yang menerima hadiah masing-masing. Perlawanan persahabatan diadakan adalah bertujuan untuk menyemai semangat kesukanan dalam kalangan para pemain.

Tirai perlawanan persahabatan bola jaring ditutup dengan laungan hip-hip horee.

بدان كبجيكن دان سوكن جباتن اوكور بروني

**BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI**

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

# EDISI KE - 4 BAUKUR 2016





Photo :: Perlawanan Bulu Tangkis

## PERLAWANAN BULU TANGKIS 2016 JABATAN UKUR DINOBATKAN JUARA

**JKR:** Kejohanan bulu tangkis anjuran Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya yang kelolakan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi telah berlangsung selama 11 hari bermula 15 Okt sehingga 29 Okt 2016.

Kejohanan tersebut disertai sebanyak 11 pasukan. Format kejohanan adalah secara liga dan kategori yang ditetapkan adalah Bergu Campuran, Bergu Lelaki, Bergu Veteran Lelaki, Bergu Perempuan dan Bergu Lelaki Terbuka.

Perlawanan akhir diantara Jabatan Ukur Vs Jabatan Perkhidmatan Air telah berlangsung pada malam Ahad 29 Okt 2016 jam 7.30 mlm. Perlawanan akhir dimenangi oleh Jabatan Ukur dengan memperolehi kemengan 3-2.

Perlawanan akhir juga turut dihadir oleh Pmk JUA (Hj Ali Bakar bin Hj Kasim) dan pegawai-pegawai kanan yang sama-sama memberikan semangat dan sokongan kepada pemain-pemain bulu tangkis Jabatan Ukur.

Penyampaian hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis YM Hj Muhammad Lutfi bin Abdullah, Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan.

Tahniah juga kepada pasukan Jabatan Perkhidmatan Air yang memenangi tempat kedua dan ketiga Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, JKR.

Semoga dengan kejayaan ini akan memberikan inspirasi, motiviasi dan semangat Jabatan Ukur dalam penyertaan bidang sukan amnya.









Photo :: Perlawanan Bulu Tangkis

# EDISI KE - 4 BAUKUR 2016



## BADAN BAUKUR ::

## AHLI TERTINGGI BAUKUR 2016 –2018

| | | |
|---|---|---|
| PENASIHAT | : | HJ ALI BAKAR BIN HJ KASIM |
| YANG DI PERTUA | : | PG HJH HASNALIATI BINTI PSJ PG HJ ABD MOMIN |
| NAIB YANG DI PERTUA | : | DK SITI SAIHALINA BINTI PG HJ IBRAHIM |
| PENGERUSI | : | NOR LIZA BINTI HJ MOHAMED DAUD |
| SETIAUSAHA AGUNG | : | HJH NONA LIEZA BINTI HJ YAHYA |
| TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG | : | PG MD NORHASHIMI PG HJ BUNGSU |
| PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG | : | PG MASNAH BINTI PG HJ AHMAD |
| BENDAHARI AGUNG | : | NORHAZEMAH BINTI KALONG |
| TIMBALAN BENDAHARI AGUNG | : | HJH NURHAYATI BINTI HJ MUHD SAID |
| KETUA BAHAGIAN KEBAJIKAN | : | HJ MUHD AZRI BIN ABDULLAH EDONG |
| KETUA BAHAGIAN SOSIAL | : | HJH AIERNA BINTI HJ BAKAR |
| KETUA BAHAGIAN SUKAN | : | SUMARDI BIN MASTANI |
| KETUA BAHAGIAN UGAMA | : | PG HJ NORDIN BIN PG HJ AHMAD |
| AHLI | : | HJ HAMIDUN BIN HJ ISMAIL |
| | : | HJH MARLINASSURIWANIE BINTI ABDULLAH |
| | : | SITI NOOR RAMZIYAH BINTI NOOR |
| | : | HJH MAIMUNAH BINTI HJ OSMAN |
| | : | DK AZIANTY BINTI PG HJ OTHMAN |

بدان كبجيكن دان سوكن جاتن اوكور بروني

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

# EDISI KE - 4 BAUKUR 2016



## RENCANA :: KESIHATAN







Pengarang: Masnah Ahmad
Semak Oleh: Nor Liza Daud